



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN BANTU PELAJAR UMK CAPAI IMPIAN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa prihatin dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk kebajikan pelajar. Melalui Program Ziarah Kasih, PTPTN telah menyantuni dan menyampaikan bantuan kepada saudari Vivian Koh Lik Ting di kediaman beliau di Pasir Mas, Kelantan. Program berkonsepkan ziarah dan ramah mesra ini merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) PTPTN bertujuan untuk memberi motivasi, pendedahan dan kesedaran tentang kepentingan pendidikan dalam mengubah kehidupan diri dan keluarga.
2. Sesi penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN. Turut hadir YBrs. Prof. Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Kelantan, Y.M Raja Shamri bin Raja Husin, Pengerusi Yayasan Raja Shamri, Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran PTPTN dan Encik Hamdan Razali, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Kelantan. Atas keprihatinan, YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN turut mengadakan *video call* bersama saudari Vivian semasa Program Ziarah Kasih tersebut diadakan.
3. Saudari Vivian merupakan anak sulung daripada empat (4) orang adik beradik yang dibesarkan dalam keluarga yang serba kekurangan. Walaupun dihimpit dengan keperitan hidup, saudari Vivian tidak pernah mengabaikan pendidikan sehingga beliau berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Beliau telah ditawarkan untuk melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota, Kota Bharu Kelantan. Namun tawaran tersebut terpaksa ditolak atas sebab kekangan kewangan dan keluarga tidak mampu untuk membiayai kos pengajian tersebut.
4. Sehubungan itu, PTPTN bersama UMK dan Yayasan Raja Shamri (YRS) telah tampil bekerjasama untuk membantu merialisasikan harapan saudari Vivian melanjutkan pengajian beliau. Melalui program ini, PTPTN memberikan sumbangan CSR berjumlah RM1,000 dalam bentuk akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN).
5. Selain itu, PTPTN juga akan menyalurkan bantuan dalam bentuk dana myWaqafPTPTN yang merupakan produk wakaf pendidikan tinggi hasil kerjasama strategik antara PTPTN dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) sebagai salah satu inisiatif untuk mempelbagaikan sumber dana PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi selain melalui pinjaman pendidikan sedia ada. Antara tujuan utama myWaqafPTPTN adalah sebagai

instrumen pengagihan semula kekayaan bagi pembangunan pendidikan negara dalam kalangan mahasiswa yang terdiri dari berbilang bangsa melalui alternatif bantuan pendidikan berbentuk biasiswa iaitu wakaf tunai PTPTN.

6. Sementara itu, YRS juga turut memberi sumbangan berupa kelengkapan barang keperluan bagi persediaan melanjutkan pengajian ke universiti bagi meringankan beban keluarga saudari Vivian. Rombongan ziarah PTPTN bersama YRS juga telah mengambil inisiatif untuk menghantar saudari Vivian mendaftar masuk ke UMK dengan menaiki kenderaan yang disediakan YRS dan telah disambut oleh YBr. Prof. Madya Dr. Mohd Fadil bin Mohd Yusof, Dekan Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) UMK.

7. Bantuan kepada saudari Vivian tidak hanya terhenti di situ, beliau juga layak untuk menerima bantuan Program Pembangunan Siswa Sulung 2.0 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Program ini merupakan antara usaha untuk mencapai aspirasi global dan nasional yang dilaksanakan bagi membantu anak pertama daripada keluarga B40 yang berjaya menjadi wakil pertama keluarga ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Melalui Program Sulung ini, pelajar akan diberi bantuan daripada segi kewangan, di mana pelajar yang berkelayakan akan menerima pengecualian pembayaran yuran. Ia dapat memudahkan pelajar agar mereka tidak perlu lagi menanggung beban hutang pinjaman yang tinggi.

8. Menurut YBhg. Dato' Seri Norliza, Pengerusi PTPTN, "Sumbangan yang disalurkan adalah satu langkah penting dalam usaha PTPTN untuk memastikan setiap pelajar mempunyai akses kepada pendidikan tinggi. Kami percaya bahawa pendidikan adalah asas kepada pembangunan individu dan masyarakat. Dengan bantuan ini, kami berharap dapat mengurangkan beban kewangan pelajar dan memberi mereka peluang untuk mencapai impian."

9. "Sumbangan ini ialah simbol keprihatinan kami terhadap masa depan pendidikan di negara. PTPTN menyambut baik kerjasama yang dijalinan bersama UMK dan YRS bagi menjayakan program pada hari ini. Oleh yang demikian, program seumpama ini akan diperluaskan lagi merangkumi lebih ramai pelajar yang memerlukan dan turut akan diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan Politeknik terpilih kelak. Saya juga menyeru agar syarikat-syarikat korporat dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk berwakaf melalui myWaqaf PTPTN dalam usaha membantu lebih ramai golongan mahasiswa terutama generasi akan datang sekali gus memastikan kelestarian pendidikan tinggi," tambah beliau lagi.

10. PTPTN sebagai agensi di bawah KPT akan terus komited dalam meningkatkan pelaksanaan program-program CSR terutamanya dalam aspek pendidikan demi pembangunan anak bangsa selari dengan moto PTPTN, Peluang Kejayaan Anda dan tagline CSR PTPTN Prihatin : Kami Kongsi, Kami Bantu.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
23 Oktober 2024